

SOROTAN SEJARAH TRANSFORMASI PENDIDIKAN MESIR (A Review of the History of Educational Transformation in Egypt)

*Yusri Mohamad Ramli

Submitted: 09-Aug-2022
Accepted: 16-Sep-2022
Revised: 29-Sep-2022
Published: 20-Dec-2022

¹Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM BANGI, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: yusri_mr@ukm.edu.my

Abstrak

Pendidikan berperanan sebagai meningkatkan hidup manusia dan masyarakat. Hal ini hanya dapat dilestarikan dengan pendekatan yang lentur terhadap perubahan dan pembaharuan secara individu kemanusiaan atau sosio kemasyarakatan. Mesir sebagai negara yang terkenal dengan sejarah pendidikan yang melalui pelbagai transformasi menghidangkan pengalaman berharga dalam mencitrakan bagaimana pendidikan berkembang secara dinamik dalam setiap zaman. Melalui analisis sejarah, tulisan ini meninjau transformasi pendidikan yang berlaku di Mesir pada zaman kuno, Hellenistik, Islam, moden dan pasca-kemerdekaan. Transformasi pendidikan yang dialami oleh Mesir amat penting untuk diamati oleh Malaysia dan negara-negara lain untuk berkembang maju, mendepani dunia hari ini yang semakin pantas berubah.

Kata Kunci: Mesir, Pendidikan, Perkembangan, Sejarah Pendidikan, Transformasi Pendidikan

Abstract

Education is meant for the betterment of life for human and society. This could only be sustained with adaptive approach to change and reform of individual being and social community. Egypt that has long been known as rich in history of education with many transformations provides us with a very distinctive experience on how education dynamically evolves in every period of times. Through historical analysis, this writing attempts to review transformation of education in Egypt since the ancient, Hellenistic, Islamic, modern, and post-independence times. Educational transformation as experienced by Egypt is ought to be looked into by Malaysia and other countries to move forward, going through the challenge of rapid change of today's world.

Keywords: Egypt, Education, Development, History of Education, Educational Transformation

1.0 PENDAHULUAN

Mesir merupakan sebuah negara yang terletak di lokasi strategik di utara Afrika yang terkenal dengan kegemilangan tamadunnya yang melalui sejarah pelbagai peradaban termasuk Firaun, Parsi, Greek, Rom, dan Arab yang mencorakkan khazanah kebudayaan Mesir. Keutamaan Mesir turut diungkapkan dalam al-Quran dan Hadith. Ibn Zulaq (1999: 3-5) menyebutkan bahawa terdapat 28 tempat dalam al-Quran yang menyebut mengenai Mesir yang menunjukkan peri penting wilayah ini. Salah satunya ialah ayat yang menceritakan kesuburan tanahnya iaitu Surah al-Mu'minun 23:50 yang bermaksud:

“Dan telah Kami jadikan (‘Isa) putera Maryam beserta ibunya suatu bukti yang nyata (bagi kekuasaan Kami), dan Kami lindungi mereka di suatu tanah tinggi

yang datar yang banyak terdapat padang-padang rumput dan sumber-sumber air bersih yang mengalir”.

Ibn ‘Abbas, Sa’id al-Musayyib, Wahb bin Munabbih dan ‘Abd al-Rahman bin Zayd bin Aslam menyatakan bahawa tempat yang dirujuk dalam ayat ini ialah Mesir (Ibn Zulaq 1999: 3). Malah, Mesir dan penduduknya dipuji oleh Nabi Muhammad (s.a.w) melalui hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abd al-Hakam (1920: 2) dan Ibn Zulaq (1999: 6) daripada Ka'b bin Malik (r.a.) yang bermaksud:

“Jika kamu membuka Mesir, maka wasiatkanlah golongan Qibti dengan kebaikan. Maka sesungguhnya bagi mereka pemeliharaan dan kerahmatan”.

Hadith seumpamanya juga dikeluarkan oleh Imam Muslim (*Sahih Muslim*, Kitab Fadail al-Sahabah, Bab Wasiyat al-Nabi (s.a.w.) bi Ahl Misr: Hadith no. 226 & 227) daripada Abu Dhar al-Ghifari (r.a.). Kerahmatan yang disebutkan dalam hadith ini adalah berasaskan bahawa ibu Nabi Isma'il bin Ibrahim (a.s.) iaitu Hajar adalah daripada kalangan penduduk Qibti Mesir. Ini selaras dengan beberapa hadith termasuk yang diriwayatkan oleh Sayyiduna ‘Umar al-Khattab (r.a.), ‘Umar mawla Ghufrah dan Ibn Lahi'ah bahawa Rasulullah (s.a.w.) memberi pesanan agar berbuat baik kepada mereka kerana hubungan perkahwinan dan keturunan yakni ibu Nabi Isma'il. Marwan juga menyebutkan bahkan tiga orang Qibti menjadi isteri para Nabi iaitu Hajar isteri Nabi Ibrahim (a.s.), Zulaykha isteri Nabi Yusuf (a.s.) dan Mariyah isteri Nabi Muhammad (s.a.w.). Malah ramai kalangan Anbiya yang tinggal di Mesir seperti Nabi Ibrahim, Isma'il, Ya'qub dan Yusuf (a.s.) serta lahir di Mesir seperti Nabi Musa, Harun, Yusha', Daniyal, Armiya, Luqman dan 'Isa (a.s.) (Ibn ‘Abd al-Hakam 1920: 2-4; Ibn Zulaq 1999: 6-8, 13-14). Manakala pemeliharaan tersebut pula adalah kerana orang-orang Qibti adalah sebaik-baik tentera umat Islam yang membantu umat Islam dalam melawan musuh sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Sufyan bin Hani, Muslim ibn Yasar, Abu Salamah bin ‘Abd al-Rahman, Abu ‘Abd al-Rahman al-Hubuli dan ‘Amru bin Hurayth dan sebagainya yang menyatakan pesanan Nabi (s.a.w.) supaya berlaku baik dengan orang Mesir atas kekuatan ketenteraan mereka yang berjuang di jalan Allah (Ibn ‘Abd al-Hakam 1920: 3-4; Ibn Zulaq 1999: 6-8).

Para Sahabat (r.a.) melalui pelbagai riwayat juga memuji bangsa Qibti antaranya ‘Abd Allah bin ‘Amru yang melihat mereka sebagai sebaik-baik bangsa ‘Ajam dan yang paling rapat dengan bangsa ‘Arab. Bahkan mereka merupakan kelompok yang paling ramai memeluk Islam secara sekaligus berbanding bangsa lain. Bahkan, beliau turut memuji kesuburan tanah dan kurniaan sungai Nil yang melimpah ruah yang dianggap sebagai menyerupai syurga (Ibn ‘Abd al-Hakam 1920: 4-7; Ibn Zulaq 1999: 9-10). Ibn ‘Abbas (r.a.) menyebutkan bahawa bangsa Qibti merupakan keturunan daripada Ham bin Nuh (a.s.) melalui Misr bin Bisar bin Ham bin Nuh. Walaupun dikatakan dalam doa Nabi Nuh (a.s.) bahawa keturunan Ham kebanyakannya akan menjadi hamba, namun Allah mengurniakan kepada mereka tanah yang diberkati, ibu segala negeri dan sungai Nil yang merupakan sebaik-baik sungai di dunia (Ibn ‘Abd al-Hakam 1920: 7-10; Ibn Zulaq 1999: 9-10). Kesuburan tanahnya menjadikan Mesir sebagai tempat tumpuan dan tempat perniagaan sehingga digelar sebagai ibu segala negeri (*umm al-bilad*) (Ibn Zulaq 1999: 10). Bahkan Abu ‘Uthman al-Jahiz menyebutkan bahawa terdapat 10 kota penting di dunia kerana keistimewaan dan beliau menyebutkan Mesir sebagai salah satunya dan yang istimewa kerana perniagaannya (al-Khatib al-Baghdadi 2001 Jil. 1: 352).

Daripada tempat tumpuan itu pula menjadikan Mesir sebagai pusat ilmu pengetahuan dengan masyarakatnya yang mencintai ilmu. Ibn Zulaq (1999: 15-20) menyatakan bahawa Mesir adalah negeri hikmah dan ilmu yang daripadanya lahir

para hukama yang memakmurkan dunia dengan kata-kata, hikmah dan pentadbiran mereka. Ia dikaitkan oleh Ibn Zulaq dengan Nabi Idris (a.s.) yang digelar Hermes yang merupakan orang pertama yang menulis dengan pena, para hukama Mesir yang kemudiannya menyebarkan ilmu daripada Mesopotamia kepada orang-orang Yunani serta Raja Iskandar Zulkarnain yang merupakan pemimpin terhebat dalam sejarah. Mesir semakin berkembang menjadi pusat keilmuan melalui Universiti al-Azhar yang ditubuhkan oleh kerajaan Fatimiyah. Ia yang asalnya berteraskan ajaran Syiah kemudiannya bertukar menjadi pusat pemikiran Ahl al-Sunnah bilamana Salah al-Din al-Ayyubi menguasai Mesir dan menubuhkan kerajaan Ayyubiyah di Mesir. Sejak itu, Mesir khususnya melalui al-Azhar telah menjadi pusat ilmu terpenting bagi umat Islam sehingga ke hari ini.

Pendidikan di Mesir telah melalui perkembangan sejarah yang panjang sejak zaman kuno hingga ke hari ini melalui pelbagai bentuk transformasi pendidikan. Transformasi pendidikan melalui perubahan dan pembaharuan dalam pelbagai aspek sama ada dasar atau sistem bertujuan untuk menambahbaik keberkesanan pendidikan supaya menjadikan kehidupan yang lebih baik bagi penerima pendidikan. Pemikir falsafah pendidikan yang banyak melontarkan idea mengenai transformasi pendidikan, John Dewey (1897; 1915; 1935) melihat pendidikan berpaksi pada penyertaan individu dalam kesedaran sosial. Justeru pendidikan bermula secara psikologikal dalam diri manusia yang berinteraksi secara berterusan secara sosiologikal dengan persekitaran. Tindak balas ini menghasilkan transformasi pengetahuan dan kemahiran dalam diri menjadi semakin baik. Hubungan dua hala yang wujud ini mesti mengambil kira segala perubahan yang berlaku sama ada secara individu dan masyarakat agar transformasi positif kekal mapan dan bertambah baik serta menerapkan secara seimbang prinsip-prinsip konservatif dan metode-metode progresif. Penekanan terlalu berlebihan kepada salah satu aspek sahaja akan merosakkan proses pendidikan. Justeru penyesuaian dan pembaharuan menjadi sangat penting bagi memastikan hubungan psikologikal dan sosiologikal saling memberi kesan yang positif. Persekitaran sosial sentiasa berubah daripada semasa ke semasa, justeru pendidikan perlu sentiasa ditransformasikan dalam segenap aspek psikologikal dan sosiologikal dengan proses yang beransur-ansur menurut perubahan semasa kehidupan. Malah, pendidikan bukan hanya perlu disesuaikan dengan perubahan, bahkan pendidikan juga berupaya membentuk perubahan. Dewey (1953) turut menjelaskan bahawa sebarang pembaharuan akan mengakibatkan konflik dan kontroversi. Justeru nilai inklusif yang mengambil kira semua cadangan dan kritikan sama ada tradisional dan progresif hendaklah diterapkan tanpa memaksa hanya kepada satu idea sahaja agar pembangunan pendidikan dapat berkembang dengan baik.

Pelaksanaan transformasi dapat dimulakan dengan menyorot semula sejarah transformasi yang pernah berlaku. Justeru, pendidikan di Mesir yang telah melalui pelbagai pengalaman transformasi penting sepanjang zaman wajar diteliti sebagai pedoman untuk pembangunan pendidikan di Malaysia dan di negara-negara lain. Tulisan ini menganalisis secara deskriptif dan kronologi mengenai sejarah transformasi pendidikan di Mesir daripada zaman kuno, Hellenistik, Islam, moden hingga pasca-kemerdekaan dengan setiap daripadanya mempunyai perkembangan yang tersendiri.

2.0 PENDIDIKAN ZAMAN MESIR KUNO

Zaman Mesir Kuno merangkumi zaman Awal kehidupan manusia di Mesir (sebelum 5500SM), zaman pra sejarah (5500-3100SM) dan zaman Firaun (3100-525SM). Mesir dipercayai mula didiami sejak daripada zaman Nabi Idris (a.s.) dan kaumnya yang

datang daripada Iraq. Ia disebut di dalam Hadith Nabi (s.a.w.) yang diriwayatkan oleh Abu Dhar al-Ghifari sebagai Nabi yang mula menulis dengan menggunakan pena dan diberikan sahifah sebanyak 30 buah (al-Tabari 1069-1970 Jil. 1: 170-171). Ini selaras dengan firman Allah (s.w.t.) di dalam al-Quran (Surah Maryam 19:56-57):

Maksudnya: Dan ceritakanlah (Hai Muhammad kepada mereka) (yang tersebut) di dalam al-Quran (tentang kisah) Nabi Idris. Sesungguhnya, ia adalah seorang yang sangat membenarkan dan seorang Nabi. Dan, Kami telah mengangkatnya ke martabat yang tinggi.

Nabi Idris juga disamakan kebanyakan pengkaji sejarah sebagai Hermes yang dianggap sebagai bapa ilmu pengetahuan falsafah dan sains yang diwarisi daripada Nabi Adam dan Nabi Shith. Setelah berlakunya banjir besar pada zaman Nabi Nuh, sejarah daripada tradisi agama yang direkodkan menunjukkan bahawa Mesir mula didiami dan diperintah oleh keturunan Misr bin Ham bin Nuh (Ibn Zulaq 1999: 20) dan menjadi negara yang pertama didiami oleh keturunannya sebelum berkembang ke wilayah-wilayah lain di Afrika.

Mesir kemudiannya berkembang membentuk suatu peradaban manusia yang kompleks. Sejarah merekodkan bahawa sejarah tamadun manusia dalam cara hidup yang kompleks bermula di Mesir dan Mesopotamia dengan kedua-dua tempat ini saling berintegrasi antara satu sama lain (Wengrow 2011). Masyarakat Mesir kuno sangat kuat berpegang dengan agama dan sangat mementingkan ilmu serta menghormati para ilmuan dan penuntut ilmu. Mereka mempercayai bahawa Thoth yang lazimnya digambarkan dengan manusia berkepala burung ibis merupakan dewa ilmu yang mencipta dan memberikan ilmu serta mencipta tulisan kepada manusia (Sa'id Isma'il 'Ali 1996: 76, 94-99). Orang-orang Qibti kemudiannya mencipta dan menggunakan tulisan '*Mdju Netjer*' yang bermaksud Kalam Tuhan yang mengadaptasi tulisan Mesopotamia. Tulisan berbentuk karakter ini lazimnya dipahat pada batu atau dinding sehingga ia dinamakan oleh orang-orang Greek sebagai '*Hieroglyphs*' yang bermaksud 'diukir pada batu'. Ia dipercayai mula digunakan sekitar tahun 3400SM semasa zaman Pra-Dinasti dan berkembang sehingga kurun ke-4 Masihi dan berakhir bilamana digantikan dengan tulisan skrip Greek. Penulisan Hieroglyph yang digunapakai oleh masyarakat Qibti merupakan tulisan sistematik yang pertama serta yang termaju pada masa tersebut sehingga ia kemudiannya tersebar dan diadaptasi oleh kaum Phoenician dan daripadanya dikembangkan pula menjadi tulisan Rumi. Ia menjadi alat terpenting dalam pendidikan di Mesir pada ketika itu dalam komunikasi dan pendidikan serta menjadi ciri penting ketamadunan Mesir. Penulis-penulis yang hebat pada masa itu dianggap sebagai ulama yang hebat (Sa'id Isma'il 'Ali 1996: 95, 99-106; Hamilton 2005: 10, 99; Wengrow 2011).

Tujuan pendidikan pada zaman ini tertumpu kepada keperluan hidup dan agama. Ilmu dipelajari untuk melengkapkan diri bagi menceburi dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang termasuk pertanian, pentadbiran, perundangan dan sebagainya. Demikian juga dengan keperluan asas kehidupan sehari-hari seperti mengira, membaca dan menulis. Masyarakat Mesir percaya kepada kehidupan selepas mati, hisab dan balasan. Oleh itu, ilmu agama juga dititik beratkan bagi menghadapi kematian dengan menekankan aspek kepercayaan kepada tuhan dan juga alam selepas kematian. Mereka juga menekankan pendidikan akhlak dan budi pekerti dalam kehidupan mereka bagi menjadi manusia yang baik dan diberkati tuhan (Sa'id Isma'il 'Ali 1996: 115-126).

Antara kaedah pembelajaran yang diamalkan pada zaman ini ialah melalui penulisan Hieroglyph dengan menggunakan kertas daripada pokok cyperus papyrus dan juga batu. Manakala warna tulisan yang digunakan ialah merah dan hitam.

Penemuan-penemuan arkeologi membuktikan bahawa sebahagian daripada tulisan yang ditemukan adalah merupakan hasil pembelajaran antara guru dan murid pada zaman ini. Asas pembelajaran berdasarkan kaedah pemikiran logik (*iqna' / istiqla*) yang berasaskan kesimpulan terhadap beberapa premis supaya pelajar berfikir dan memahami dengan mendalam. Sukan dan permainan juga diamalkan yang berperanan bagi melatih fizikal dan kecergasan badan. Di samping itu aspek galakan (*targhib*) dan cegahan (*tarhib*) yang keras juga ditekankan melalui latihan, disiplin, amaran, bimbingan dan tarikan dalam pembelajaran supaya benar-benar menguasai ilmu. Antaranya yang direkodkan ialah seperti tinggal di kuil untuk belajar menulis dan tidak keluar daripadanya sehingga benar-benar mahir menulis (Sa'id Isma'il 'Ali 1996: 127-138). Institusi pendidikan tidak hanya terhad kepada sekolah dan pusat pendidikan, bahkan ia turut merangkumi institusi keluarga, rumah ibadat, pejabat kerajaan, ketenteraan dan juga istana (Sa'id Isma'il 'Ali 1996: 142-210). Ilmu-ilmu yang dipelajari termasuklah bahasa, sastera, perubatan, matematik, falak dan astronomi, kemahiran, pendidikan jasmani dan sebagainya (Sa'id Isma'il 'Ali 1996: 211-282).

Ketamadunan Mesir Kuno termasuk pendidikannya telah mempengaruhi wilayah sekitarnya termasuk Afrika, Kan'an, Sham, Iraq serta Eropah khususnya Rom dan Greek sehinggalah ia berakhir dengan penaklukan kerajaan Parsi Achaemenid antara tahun 525-332SM yang dianggap kejayaan terbesar oleh Parsi (Sa'id Isma'il 'Ali 1996: 283, 290-298).

3.0 PENDIDIKAN ZAMAN HELLENISTIK

Hellenistik secara umumnya merujuk kepada zaman perkembangan peradaban Yunani di luar wilayah Yunani yang bermula selepas zaman Yunani Klasik khususnya setelah peluasan Kerajaan Macedonia pimpinan Raja Iskandar pada hujung kurun ke-4SM sehingga perkembangan Empayar Rom pada kurun ke-7M (Toynbee 1959). Zaman Hellenistik Mesir secara khusus dapat dibahagikan kepada dua fasa iaitu zaman Yunani/Greek (332SM-30M) dan Zaman Rom Byzantine (30-641M). Zaman Parsi tidak menyaksikan banyak perubahan dalam pendidikan melainkan tumpuan masyarakat lebih banyak terarah kepada peperangan serta kebudayaan Parsi diterapkan di dalam masyarakat di samping pembelajaran bahasa Parsi. Namun, kedatangan Iskandar Zulkarnain, Raja Macedonia menewaskan Parsi dan menguasai Mesir mengembalikan semula kegemilangannya. Ini ditandai dengan pembinaan kota Iskandariah yang menjadikan Mesir sebagai pusat ilmu dan penerus kepada legasi ketamadunan Greek yang pada ketika itu di penghujungnya. Ia juga dianggap sebagai tamadun yang kembali ke tempat asalnya kerana Greek juga pada asalnya menerima dan meneruskan legasi ketamadunan Mesir Purba. Justeru orang-orang Greek amat mengagumi Mesir dan menghargai tamadunnya (Sa'id Isma'il 'Ali 1996: 283, 290-298).

Setelah Iskandar Zulkarnain meninggal dunia pada tahun 323SM, kerajaan Macedonia telah berpecah dan Mesir menjadi kerajaan yang tersendiri di bawah pimpinan sahabat dan jeneralnya, Ptolemy I. Semasa memerintah Mesir, Ptolemy meneruskan legasi Zulkarnain dengan menubuhkan pusat pendidikan dan perpustakaan besar di Iskandariah. Pada zaman ini, orang-orang Mesir mempelajari bahasa dan tulisan Greek di samping mengekalkan penggunaan bahasa Qibti dan tulisan Hieroglyph. Zaman ini dianggap sebagai zaman pertembungan dan percampuran antara kebudayaan Mesir dan Greek dengan kedua-dua bahasa digunakan. Dinasti Ptolemy berlangsung selama tiga kurun yang menyaksikan perkembangan ilmu pengetahuan dan budaya yang tidak hanya terhad kepada

Greek dan Mesir bahkan dari seluruh bangsa dan tamadun termasuk Yahudi, Kristian, Afrika, Parsi dan sebagainya (Sa'id Isma'il 'Ali 1996: 283-340)

Kegemilangan kerajaan Ptolemaic Mesir berakhir dengan kematian Ratu terakhirnya, Cleopatra dan penguasaan kerajaan Rom Byzantine pada tahun 30SM. Namun kerajaan Byzantine tidak begitu berminat dengan ilmu dan lebih mementingkan penguasaan politik dan peperangan. Malah semasa menawan Mesir, mereka membakar dan memusnahkan Perpustakaan Iskandariah serta menghapuskan penggunaan bahasa Qibti dan tulisan Hieroglyph serta mengajar bahasa Latin. Pendidikan semasa penguasaan Byzantine lebih terarah kepada agama Kristian. Kerajaan Parsi Sassanid pernah seketika menguasai Mesir selama 1-tahun dari 619 hingga 629M sebelum ia kembali diambil alih oleh Byzantine, namun tiada perkembangan signifikan dari aspek pendidikan pada masa ini yang lebih tertumpu kepada peperangan.

4.0 PENDIDIKAN DI MESIR ZAMAN ISLAM

Zaman Islam meliputi zaman Khulafa al-Rashidin yang bermula pada tahun 641M, serta kemudiannya zaman Bani Umayyah, Bani 'Abbas, Fatimiyyah, Ayyubiyyah, Mamluk dan Uthmaniyyah sebelum dijajah oleh Perancis pada tahun 1798m. Mesir dikuasai oleh umat Islam pada zaman Sayyiduna 'Umar al-Khattab (r.a.) (583-644M) yang memerintah antara tahun 634 hingga 644M. Beliau merupakan kalangan Khulafa al-Rashidin yang paling banyak menguasai dan membuka kota dan wilayah termasuk termasuk Madain, Kufah, Basrah, Tikrit, Hamadan, Ahwaz, Ray, Jurjan, Tabaristan, Azerbaijan dan banyak lagi. (Ibn Sa'd 2001: Jil. 3: 254-349; Ibn Khayyat 1985: 122-156; al-Baladhuri 1916; al-Tabari 1969-1970 Jil. 3-4).

Pada ketika itu, Mesir diperintah oleh kerajaan Rom Byzantine yang bersikap keras terhadap penduduk Mesir. Pembukaan Mesir dipimpin oleh 'Amru al-'As yang ketika itu merupakan Gabenor di Palestin atas perkenan Sayyiduna 'Umar pada tahun 639M/20H. Setelah menguasai beberapa kota penampakan di Sinai, 'Amru meneruskan penguasaan ke atas Mesir. Tentera seramai 3500 orang yang dipimpin oleh 'Amru al-'As berserta bantuan kemudiannya sebanyak 10,000 orang pimpinan Zubayr al-'Awwam menewaskan tentera Byzantine di Heliopolis ('Ayn Shams). 'Amru kemudiannya menjadikan Fustat/Bab al-Yun (kini sebahagian daripada Kaherah) sebagai ibu kota Mesir. Sejak itu, bandar-bandar lain kemudiannya dikuasai oleh 'Amru al-'As termasuk Iskandariyah yang merupakan ibu kota kerajaan Byzantine di Mesir. Semasa Zaman Sayyiduna Uthman dan Sayyiduna 'Ali, 'Amru al-'As telah digantikan dengan beberapa gabenor. Namun, beliau mendapat kepercayaan Sayyiduna Mu'awiyah untuk kembali menjadi Gabenor Mesir untuk kali kedua sehinggalah kewafatannya (658-664) semasa pemerintahan Mu'awiyah yang menyaksikan Mesir di bawah pemerintahan kerajaan Umawiyah dari tahun 658 hingga 750M (Ibn Sa'd 2001 Jil. 5: 65-82; Ibn Khayyat 1985: 142-144; 155-156; al-Baladhuri 1916 Jil. 1: 335-351; al-Tabari 1969-1970 Jil. 4: 104-113; al-Ya'qubi 1861: 117-130).

Pada masa ini, bahasa dan budaya Arab kemudiannya menjadi bahasa dan budaya utama menggantikan bahasa Latin. Pendidikan pada masa ini didasarkan kepada ajaran Islam walaupun masyarakat Kristian kekal wujud sehingga ke hari ini dengan sistem pendidikan agamanya sendiri. Setiap pemimpin Mesir sejak penaklukan Islam amat mementingkan pendidikan agama. Ini termasuklah gabenor pertamanya iaitu 'Amru al-'As sendiri yang membina sebuah masjid di Fustat yang kemudiannya dikenali sebagai Jami' al-'Atiq atau Jami' 'Amru al-'As sebagai tempat pembelajaran al-Quran dan al-Hadith serta fiqah di samping sebagai tempat ibadat (Ibn Sa'd 2001 Jil. 9: 499-500; Abd. Mukti 2008: 44-45).

Sejak itu, Mesir terus berkembang menjadi pusat keilmuan Islam. Ibn Zulaq (1999: 27-42) menyenaraikan sejumlah sahabat yang pernah tinggal di Mesir selain 'Amru al-'As termasuk 'Uqbah bin Amir, Abu Basrah al-Ghifari, Kharajah bin Hudhafah, Qays bin Abi al-'As dan 'Abd Allah bin al-Harith. Mesir juga menjadi tempat tumpuan para ulama yang berkhidmat dan menabur bakti di Mesir termasuklah Yazid bin Abi Habib, 'Amru bin al-Harith, Imam al-Layth bin Sa'd, al-Mufaddal bin Fadal, 'Abd Allah bin Lahi'ah dan ramai lagi. Begitu juga Imam Muhammad bin Idris al-Shafi'i, Yusuf bin Yahya al-Buwayti, Isma'il bin Yahya al-Muzani, Abu Ja'far al-Tahawi, Imam al-Nasai, Ibn Zulaq, dan sebagainya dari kalangan ahli Fiqah, Hadith, Sejarah, Faraid, Bahasa, Sastera, Akidah, Nasab dan Tasawwuf.

Perkembangan selanjutnya menyaksikan Mesir diambil alih oleh Khilafah 'Abbasiyyah sejak tahun 750 sehingga kemudiannya menjadi kerajaan autonomi di bawah naungan Abbasiyah termasuk kerajaan Ibn Tulun, Ibn Ikhshid sehinggalah ia dikuasai oleh golongan Fatimiyyah pada tahun 969. Setelah kejatuhan pengusaan 'Abbasiyah di Mesir, kerajaan Fatimiyyah akhirnya didirikan di Mesir. Al-Azhar mula dibina pada tahun 359H/970M oleh Jawhar al-Saqali setelah setahun kerajaan Fatimiyyah diasaskan di Mesir. Ia selesai dibina dua tahun selepasnya dan merupakan sebuah masjid dan diberi nama al-Azhar sempena gelaran Fatimah al-Zahra. Semasa Khalifah 'Abd al-Aziz memerintah pada tahun 365H/975M, beliau telah melantik Ya'qub Killis untuk membuka kelas pengajian agama berasaskan pendekatan Syiah Ismai'iliyyah. Ia kemudiannya berkembang dengan pembinaan asrama dan prasarana di sekitar al-Azhar sehingga ia menjadi sebuah pusat pengajian tinggi. Di samping pengajian agama, ia juga menekankan pengajian falsafah dan sains. Di samping itu turut dibina beberapa Madrasah di kota-kota di Mesir. Walaupun Mesir khususnya al-Azhar menjadi pusat pengajian Syiah, namun penyebaran Syiah di Mesir tidaklah begitu memberangsangkan dan penduduk Mesir kebanyakannya kekal bermazhab Sunni. Bilamana Salah al-Din al-Ayyubi menumbangkan kerajaan Fatimiyyah dan menawan Mesir pada tahun 566H/1171M dan meletakkannya kembali di bawah naungan Khilafah 'Abbasiyyah, beliau telah menukar al-Azhar kepada pusat pendidikan Ahl al-Sunnah (Bilgrami & Ashraf 1985: 25; Abd. Mukti 2008: 45-47, 57-59).

Pada zaman ini Salah al-Din al-Ayyubi menekankan pendidikan agama dengan pembinaan madrasah-madrasah di seluruh Mesir dengan al-Azhar sebagai institusi terunggulnya. Di samping mengangkat al-Azhar sebagai pusat keilmuan Islam dunia, Salah al-Din juga memastikan bahawa Mesir menjadi pusat kepada kefahaman Ahl al-Sunnah dan mengekang penguasaan secara politik dan pemikiran aliran Syiah. Oleh kerana itulah, tumpuan keilmuan di Mesir sejak zaman ini hingga pada zaman Moden hanya terarah kepada bidang pengajian Islam dengan bidang-bidang lain tidak begitu dititik beratkan (Abd. Mukti 2008: 4-6, 27-28).

Pendidikan pada zaman ini dan seterusnya berteraskan kepada pendidikan Islam dengan kewujudan kuttub bagi peringkat rendah (5-14 tahun) yang menumpu kepada asas membaca dan menulis serta pengajian al-Quran dengan sistem halaqah (bulatan) dan seterusnya madrasah serta masjid bagi peringkat menengah dan tinggi. Ia juga turut melibatkan pengajian umum untuk orang awam (umumi) di samping berperanan sebagai pusat pendidikan tinggi (nizami) dengan sistem halaqah dan zawiyah (sudut atau tiang masjid). Institusi-institusi pendidikan ini sama ada milik peribadi seorang tokoh agama ataupun di bawa kelolaan kerajaan melalui sistem waqaf. Masjid yang terkenal yang bertaraf universiti ialah Jami' al-Azhar, Jami' 'Amru al-'As, Jami' Ibn Tulun dan sebagainya yang mengajar pelbagai bidang termasuk al-Quran, fiqah, tafsir, hadith, bahasa Arab, Tasawwuf, akidah dan sebagainya. Namun peranan masjid kemudiannya terpisah apabila konsep universiti (jami'ah) berkembang dengan hanya al-Azhar sahaja yang berkembang menjadi sebuah universiti yang lengkap. Manakala madrasah pula dibina oleh Salah al-Din al-

Ayyubi dan para pemimpin Mesir seterusnya di seluruh Mesir yang menjadikannya sebagai pendiri madrasah terbanyak selepas Nizam al-Muluk di Iraq dan Iran (Gesink 2007: 20; Abd. Mukti 2008: 51-70). Pendekatan pendidikan pula lebih kepada pemindahan dan penghafazan maklumat daripada guru kepada murid dengan menggunakan teks-teks tertentu. Pelajar yang cemerlang dianggap sebagai yang menguasai sesuatu teks dengan baik dan dengan demikian dianggap layak untuk mengajarkannya pula (Heyworth-Dunne 1968: 42, 66-75; Berkey 1992; Gesink 2007: 20-21).

Walau bagaimanapun, Mesir pada masa ini melalui al-Azhar menjadi institusi pengajian tinggi terunggul dalam bidang pengajian Islam sehingga menjadi tumpuan para pelajar bukan sahaja dari Mesir, bahkan dari seluruh dunia. Ia menjadi model dan contoh kepada pendidikan Islam di negara-negara lain. Sistem ini secara umumnya kekal dominan sehinggalah setelah penjajahan Perancis yang memberi kesan dan perubahan kepada corak pendidikan di Mesir.

Mesir kemudiannya berada di bawah pemerintahan kerajaan Mamluk dari tahun 1250-1517 sebelum tunduk di bawah pemerintahan Uthmaniyyah. Semasa penghujung zaman Uthmaniyyah, Mesir masih mengekalkan corak pendidikan tradisional yang diwarisi daripada Abad Pertengahan. Secara positifnya, ia meletakkan kedudukan ulama di tempat yang tertinggi. Namun amalan pendidikan yang lebih mengutamakan budaya menerima (imitasi) daripada berfikir serta hafazan daripada pemahaman menjadikannya agak ketinggalan dengan perkembangan keilmuan dunia (Heyworth-Dunne 1968). Walaupun demikian, Mesir masih kekal menjadi kilang penghasilan tokoh dan sarjana khususnya dalam bidang Pengajian Islam ke seluruh negara-negara Islam.

5.0 PENDIDIKAN DI MESIR ZAMAN MODEN

Zaman Moden Mesir bermula dengan pendudukan Perancis (1798-1801), diikuti penguasaan kembali oleh Uthmaniyyah dengan pemerintahan Khedewi (1805-1914), penjajahan British, kemerdekaan sehingga selepas Revolusi Mesir 1952.

Semasa pendudukan Perancis, pendidikan lebih terarah kepada pertembungan budaya antara penduduk Mesir dan penjajah Perancis yang mengakibatkan kehilangan ramai ulama yang berhijrah ke luar dari Mesir. Ini adalah disebabkan oleh sikap keras Perancis yang menghukum bunuh golongan ulama yang menentang mereka, sekaligus menjadikan perjalanan pendidikan di madrasah-madrasah tergendala. Di samping itu, tumpuan pendidikan penjajah Perancis pula adalah lebih tertumpu kepada rakyat Perancis yang tinggal di Mesir dengan pembinaan sekolah dan pusat pendidikan yang menggunakan bahasa Perancis sebagai pengantar. Malah rancangan pembinaan sekolah perubatan dan seni lukis untuk warga tempatan oleh penjajah Perancis juga tidak dapat dijayakan akibat pendudukan mereka yang singkat di samping sikap mereka yang tidak bersungguh-sungguh (Heyworth-Dunne 1968).

Walaupun demikian, Perancis umumnya dianggap sebahagian pengkaji sebagai penyumbang besar kepada pembaharuan di Mesir. Ini dapat dilihat melalui dakwaan Dykstra (1998: 115) bahawa: "Tanpa Bonaparte, Mesir moden tidak dapat dibayangkan". Namun, Wan Kamal Mujani & Napisah Karimah (2010) menganggap pernyataan ini sebagai tidak tepat kerana tiada perkembangan yang signifikan dilakukan oleh Perancis terhadap Mesir. Meskipun begitu, Heyworth-Dunne (1968) melihat bahawa penjajahan Perancis sama ada secara langsung atau tidak langsung ada memberi pengaruh kepada pemimpin Mesir selepasnya khususnya Muhammad Ali Pasha untuk melakukan modenisasi dalam pendidikan. Hal ini dipersetujui oleh Muhammad al-Bahi (1986), Harun Nasution (1985) dan Abd. Mukti

(2008) yang melihat penaklukan Perancis di Mesir telah membuka mata dunia Islam bagi mengakui bahawa umat Islam tidak lagi mendominasi dunia dan telah jauh ketinggalan berbanding Barat. Oleh itu, para pemimpin umat Islam telah berfikir bagi mengembalikan kekuatan umat Islam termasuk dalam hal pendidikan. Usaha ini melibatkan perubahan corak pendidikan yang mecontohi Barat, dan dalam masa yang sama turut mengembalikan nilai Islam serta mengangkat kearifan tempatan.

Muhammad Ali Pasha merupakan pemerintah Mesir (1805-1848) yang dilantik oleh kerajaan Uthmaniyyah setelah beliau mengetuai penguasaan kembali Mesir daripada Perancis. Pada masa ini kerajaan Uthmaniyyah mula mengambil pendekatan modenisasi Barat khususnya dari sudut budaya dan teknologi. Ini termasuklah pembinaan sekolah dan institusi pendidikan mengikut acuan Barat, pengiriman pelajar ke Barat, memanggil guru-guru dari Barat untuk mengajar serta menterjemah buku-buku dari Barat sebagaimana yang diusahakan oleh Muhammad 'Ali Pasha (al-Bahi 1986; Nasution 1985; Gesink 2010: 11).

Tujuan utama Muhammad Ali ialah supaya Mesir dapat membangun dan berupaya mempertahankan diri daripada serangan dan penjajahan Eropah. Sistem pendidikan sedia ada yang berasaskan pengajian agama yang dijalankan oleh al-Azhar dianggap sudah baik, namun ia hanya terhad kepada bidang agama sahaja. Oleh itu, Muhammad Ali mengukuhkan Mesir dengan pembinaan sekolah-sekolah awam yang bertujuan melatih para pegawai kerajaan, profesional, jurutera, ahli perubatan dan sebagainya. Malah sistem madrasah sedia ada juga diubah suai dengan menutup madrasah yang kecil atas kekangan kewangan serta menyerapkannya ke dalam sistem al-Azhar. Begitu juga dalam pembinaan sekolah-sekolah awam, guru-guru dan pekerja daripada madrasah diambil untuk membangunkan sekolah-sekolah awam yang baru dengan harapan supaya melatih generasi baru dengan ilmu baru tetapi dengan mengekalkan tradisi Mesir. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah awam juga mengambil pendekatan Barat dengan mengirim pelajar ke negara-negara Eropah. Salah satu perubahan besar dalam kaedah pengajaran ialah pengenalan 'karangan' kepada para pelajar supaya dapat mengekspresikan pemikiran dan pandangan sendiri berbanding kaedah tradisional yang hanya menerima dan mengingat kembali apa yang diajar oleh guru. Di samping itu, subjek-subjek baharu juga dimasukkan dalam sistem sekolah awam seperti sosiologi, geografi, ekonomi, astronomi, perubatan, kesihatan, bahasa asing dan sebagainya. Bahkan turut dibina sekolah-sekolah pengkhususan seperti sekolah tentera, sekolah perubatan, sekolah pertanian, sekolah kejuruteraan, sekolah pengurusan dan sebagainya. Pada zaman ini terbentuk dualisme dalam pendidikan dengan wujudnya sistem sekolah agama dan sistem sekolah awam atau kebangsaan (Gesink 2007: 22-23; 2010; Abd. Mukti 2008; World Bank 2008).

Walau bagaimanapun, pengganti selepas Muhammad Ali termasuk Ibrahim (1848), Abbas (1848-1854) dan Said Pasha (1854-1863) tidak memberi perhatian terhadap pendidikan sehingga menyebabkan banyak sekolah ditutup dan dilanda masalah kewangan. Namun, ia kembali berkembang semasa pemerintahan Ismail Pasha I (1863-1879) yang turut tertarik dengan cara pendidikan Perancis. Tokoh penting dalam pembaharuan pendidikan Mesir pada masa ini ialah Rifa'at al-Tahtawi yang merupakan pegawai pendidikan yang dilantik oleh Ismail Pasha. Setelah pulang dari menuntut di Perancis, al-Tahtawi telah menerbitkan sebuah buku tentang gaya pendidikan Perancis yang menekankan kaedah pengalaman yang sesuai dengan tahap umur dan kefahaman. Al-Tahtawi menekankan konsep 'pengetahuan yang berguna' dan menghubungkan antara agama dan sains. Ia tidak hanya dianggap sebagai pendekatan Barat, bahkan dianggap pendekatan sebenar yang dianjurkan oleh Islam yang meliputi seluruh bidang ilmu. Beliau cuba mengubah cara pendidikan yang berasaskan ikutan (ittiba') dan taqlid yang terlalu

jumud serta mempromosikan ijtihad sebagaimana pada zaman kegemilangan Islam terdahulu. Pembaharuan kaedah pendidikan ini sedikit sebanyak memberi cabaran kepada sistem madrasah walaupun ia masih terus berkembang dan popular khususnya bagi bidang pengajian Islam (Heyworth-Dunne 1968: 253-259; Gesink 2007: 23-26).

Pada tahun 1882, Mesir telah dijajah oleh British sehinggalah ia mencapai kemerdekaan pada tahun 1922 (World Bank 2008: 7). Kerajaan British tidak memberi perhatian penting terhadap pendidikan dan hanya melakukan sedikit pembaharuan bagi tujuan penguasaan terhadap Mesir. Bahkan, peruntukan pendidikan dikurangkan serta yuran dikenakan bagi peringkat rendah sehingga kadar literasi semasa penjajahan British hampir 90% yang buta huruf (World Bank 2008: 7; 11-12). Malah, pemerintahan yang singkat tidak memungkinkan sebarang perkembangan yang penting sehingga Mesir mencapai kemerdekaan pada tahun 1914. Walaupun telah merdeka, pengaruh British masih lagi kuat khususnya dalam aspek pentadbiran semasa zaman Kesultanan Mesir (1914–1922) dan Kerajaan Mesir (1922–1952) (World Bank 2008: 7).

Masa ini boleh dianggap sebagai zaman pembaharuan kedua yang dilakukan oleh beberapa tokoh penting gerakan pembaharuan pemikiran dan pendidikan Mesir. Zaman penjajahan British menyaksikan perkembangan pemikiran Islam sebagai reaksi dan respon terhadap penjajahan khususnya yang dibawa oleh Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad 'Abduh dan Rashid Rida. Mereka telah mencetuskan gerakan pembaharuan atau modenisasi Islam yang berasaskan nilai revivalisme Salafiyah dan juga rasionalisme Muktazilah sekitar hujung kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Gerakan ini turut memberi pengaruh kepada pembaharuan pendidikan di Mesir khususnya al-Azhar. Walaupun gerakan ini menerima tentangan daripada ulama tradisional Mesir yang kuat berpegang kepada tradisi, namun sedikit sebanyak beberapa idea pembaharuan lama-kelamaan akhirnya diterima (al-Bahi 1986; Nasution 1985). Antaranya ialah sistem hafazan dan ulangan yang selama ini digunapakai diubah suai supaya pembelajaran tidak statik dan menggalakkan pelajar berfikir dan memahami. Begitu juga suasana kerja, disiplin pelajar, sistem kewangan, perpustakaan, kurikulum, buku teks dan sebagainya (Ahmad Shahbari Salamon 1988).

Al-Afghani sering mengkritik sistem madrasah yang dianggap kolot dan berasaskan taqlid serta menggesa kepada ijtihad. Baginya, Islam adalah agama yang berpegang dengan hujah dan taqlid dianggap sebagai bercanggah dengan seruan al-Quran (Gesink 2007: 26-28). Pemikiran al-Afghani ini kemudiannya dikembangkan oleh murid dan sahabatnya, Muhammad Abduh. Muhammad Abduh dikenali sebagai seorang yang kritikal terhadap sistem tradisional madrasah dan turut menggesa kepada ijtihad. Beliau juga menggalakkan penduduk Mesir supaya mengkaji bahan-bahan daripada Barat serta mempelajari daripada mereka serta tidak hanya terhad dengan kitab-kitab Abad Pertengahan yang masih diwarisi oleh sistem madrasah. Usaha ini dianggapnya sebagai seumpama Reformasi Protestan terhadap Katholik. Penglibatan Muhammad Abduh pada peringkat awal tidak begitu diterima khususnya kerana sikap penentangannya terhadap British yang menjajah Mesir pada ketika itu serta terhadap para ulama al-Azhar. Namun beliau mendapat kepercayaan semasa pemerintahan Abbas Hilmi yang melantiknya sebagai ahli Majlis al-Azhar dan kemudiannya sebagai Mufti Mesir (Gesink 2007: 28-30).

Semasa menjawat jawatan Mufti, beliau banyak mengeluarkan fatwa kontroversi yang disanggah oleh para ulama Mesir termasuk kecamannya terhadap poligami dan menghalalkan sembelihan oleh orang Kristian walaupun tidak disembelih dengan baik. Begitu juga dalam perubahan terhadap al-Azhar yang menyaksikan pelbagai pembaharuan sama ada dilihat positif atau negatif. Ini

termasuklah pembahagian kursus kepada kumpulan wajib dan pilihan, peperiksaan, pemarkahan (Gesink 2007: 30-31). Pada masa ini menyaksikan pertembungan besar pemikiran Islam antara golongan Modernis dan Tradisionalis yang kemudiannya merebak ke Tanah Melayu dengan konflik Kaum Muda dan Kaum Tua. Ulama al-Azhar melihat kursus-kursus baru khususnya yang bukan bidang yang diserap dalam kurikulum sebagai mengganggu pembelajaran pelajar yang tertumpu dalam menghasilkan para guru, pensyarah, imam, mufti, peguam dan hakim. Ulama al-Azhar, Muhammad Sulayman al-Safti sebagai contoh mengkritik kemasukan subjek Matematik dalam pembelajaran syariah yang dianggap membebankan pelajar yang perlu memberi tumpuan kepada pelbagai cabang disiplin syariah. Muhammad al-Hifni juga melihat bahawa mempelajari semua bidang pengetahuan bukanlah suatu keperluan dalam zaman moden ini. Ia semata-mata bersifat kifayah dengan pengkhususan masing-masing. Begitu juga dengan seruan ijtihad yang turut dilontarkan oleh Rashid Rida tidak kurang dikritik oleh para ulama, antaranya Muhammad 'Alish yang melihat pemikiran ijtihad kaum modernis sebagai mencabar undang-undang Syariah. Beliau juga mengkritik Muhammad Abduh yang menolak taqlid seratus peratus serta membawa pemikiran Muktazilah (Gesink 2007: 31-36).

Secara umumnya, dasar pembaharuan Muhammad Abduh menggesa ke arah keterbukaan dalam pemikiran, mempelajari daripada tamadun Barat di samping mengembalikan asas ajaran Islam yang tulen. Mustafa al-Maraghi dan Mahmud Syaltut adalah antara Shaykh al-Azhar yang terpengaruh dengan idea pembaharuan Muhammad Abduh yang mengimplementasikannya dengan mereformasikan al-Azhar. Gerakan pembaharuan pendidikan di Mesir juga tidak hanya dalam kalangan agamawan, bahkan juga tokoh bukan agama khususnya yang memperjuangkan nasionalisme seperti Taha Husayn (al-Bahi 1986; Nasution 1985).

Pengaruh British kemudiannya semakin luntur pada tahun 1936 bilamana perjanjian Inggeris-Mesir menyaksikan tentera British meninggalkan Mesir sedikit demi sedikit sehingga tahun 1954 selepas berlakunya Revolusi 1952 yang menandakan bermulanya Mesir sebagai sebuah republik. Sejak itu, pengaruh sosialisme semakin berkembang dalam pelbagai aspek termasuk pendidikan (World Bank 2008: 7).

6.0 PENDIDIKAN DI MESIR ZAMAN PASCA-KEMERDEKAAN

Kerajaan Mesir amat menitik beratkan mengenai pendidikan. Oleh itu, pelbagai polisi digubal di samping pelbagai program pembangunan bagi meningkatkan kualiti pendidikan termasuklah dengan penggubalan dan pindaan perlembagaan Mesir mengenai kewajipan pendidikan serta penandatanganan Deklarasi Universal Hak Asasi 1948 yang menyatakan hak untuk mendapat pendidikan (World Bank 2008: 11).

Tiga kementerian yang bertanggungjawab terhadap pendidikan di Mesir ialah Kementerian Pendidikan dan Pelajaran yang bertanggungjawab ke atas pendidikan pra sekolah, rendah dan menengah, Kementerian Pengajian Tinggi dan Penyelidikan Saintifik yang bertanggungjawab ke atas pendidikan tinggi serta Kementerian Waqaf yang bertanggungjawab ke atas pendidikan al-Azhar. Pentabdiran pendidikan diawasi oleh beberapa majlis dan jawatankuasa pendidikan.

Secara umumnya, struktur pendidikan di bawah kendalian kerajaan Mesir dapat dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu sistem kebangsaan atau sistem al-Azhar yang khusus bagi pengajian agama di samping sekolah-sekolah kelolaan pihak swasta. Kedua-dua sistem pada dasarnya adalah sama dan dapat dikelaskan mengikut peringkat berikut (World Bank 2008: 12):

- a) Pendidikan Wajib dari umur 6 hingga 14 tahun: peringkat asas/rendah (ibtidai) selama 6 tahun dan peringkat persediaan/menengah rendah (i'dadi) selama 3 tahun.
- b) Pendidikan Pilihan samada sekolah menengah awam dari umur 15 hingga 17 tahun bagi peringkat menengah atas (thanawi) selama 3 tahun (4 tahun bagi al-Azhar) atau pendidikan teknikal (industri, pertanian dan perdagangan) selama 3 tahun bagi peringkat pertama dan 5 tahun bagi peringkat kedua.
- c) Pengajian Tinggi yang juga merupakan pilihan di universiti dan institusi khusus bagi pengajian sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Pendidikan rendah atau asas (ibtidai) meliputi lima tahun pengajian bagi pendidikan kebangsaan dan enam tahun bagi pendidikan al-Azhar yang bermula dari umur 6 tahun. Ia diikuti dengan pendidikan menengah rendah atas atau persediaan (i'dadi) dari umur 11/12 tahun hingga 13/14 tahun dan memperoleh sijil pelajaran (shahadah) atau juga boleh mengikuti pendidikan kemahiran teknikal dan vokasional yang juga mengambil masa tiga tahun. Bagi sesiapa yang berminat, boleh melanjutkan pengajian peringkat menengah (thanawi) selama empat tahun dan memperoleh sijil atau pengajian peringkat diploma bagi bidang kemahiran teknikal dan vokasional bagi kelayakan masuk ke peringkat universiti. Secara umumnya kebanyakan pelajar memasuki sistem sekolah kebangsaan dengan jumlah sekitar 62%, serta swasta sebanyak 29% dan al-Azhar 9% bagi rekod kemasukan sekolah rendah pada tahun 2008. Bahasa pengantaraan utama dalam pelajaran ialah bahasa Arab, namun bahasa Inggeris dan Perancis luas digunakan. Manakala subjek-subjek yang diajar bagi pengajian rendah dan menengah merangkumi ekonomi rumah tangga, matematik, bahasa Arab, bahasa Inggeris, pendidikan Islam, sains, kajian kemasyarakatan, komputer dan teknologi maklumat, ekonomi dan statistik, algebra, kalkulus, ilmu psikologi dan sosiologi, geologi, geografi, biologi, fizik, kimia, mekanik, sejarah, pendidikan kenegaraan, falsafah dan mantik, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol, bahasa German, dan bahasa Itali (World Bank 2008: 14).

Pendidikan tinggi pula diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang ditubuhkan pada tahun 1961 selepas Revolusi 1952. Sejak tahun 1962, pendidikan kebangsaan di Mesir adalah percuma bagi semua peringkat kecuali terdapat bayaran tertentu bagi peringkat tinggi. Pendidikan juga diwajibkan dari peringkat asas sehingga persediaan. Bahasa perantaraan di semua universiti ialah bahasa Arab kecuali bidang-bidang tertentu seperti Perubatan, Kejuruteraan, Pergigian, Bahasa Inggeris, Seni Bina dan sebagainya yang menggunakan Bahasa Inggeris. Manakala di Universiti Amerika Kaherah pula menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya. Tahun akademik di Mesir sebagaimana lazim di kebanyakan negara, bermula dari September hingga Jun. Universiti awam berjumlah 29 buah, sementara universiti swasta pula berjumlah sekitar 35 buah. Universiti yang tersohor di Mesir ialah al-Azhar, Kaherah, Iskandariah, Universiti Amerika Kaherah (World Bank 2008).

Al-Azhar dianggap sebagai universiti yang paling tersohor bahkan yang pertama di Mesir dan di dunia. Ia menjadi simbol dan kebanggaan masyarakat Mesir sekaligus merupakan sejarah penting dalam pendidikan Mesir. Sebelum al-Azhar menjadi terkenal, Mekah, Madinah dan Baghdad terlebih dahulu menjadi pusat keilmuan Islam. Namun al-Azhar mula meningkat namanya dengan perkembangan moden sistem pengajiannya. Kemunculan al-Azhar sebagai universiti yang unggul dan ternama sehingga digelar Snouck Hurgronje (1970: 185) sebagai 'the Athens of Learning' ini telah menarik ramai pelajar melanjutkan pelajaran ke sini termasuk dari Tanah Melayu (Malaysia) sehingga diberi biasiswa oleh kerajaan dan kemudiannya memberi sumbangan menjadi tokoh masyarakat apabila pulang kembali ke negara. Kemuncak jaringan keilmuan Mesir ini adalah pada awal kurun ke 20 yang

menyaksikan perkembangan pemikiran di Mesir mempengaruhi para pelajar dari luar termasuk Tanah Melayu pada ketika itu (Jomier 2015; Jaffary Awang 2006; Khadijah Mohd Hambali 2006; Muda 2006; Shukri & Ismail 2006). Al-Azhar juga dianggap sebagai pusat dan banteng Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Bahkan Shaykh al-Azhar sendiri secara tidak rasmi dianggap sebagai Imam bagi umat Islam Sunni seluruh dunia (Bennett 2005: 220).

Al-Azhar dianggap sebagai universiti yang tertua di dunia yang masih beroperasi. Malah, sebelum 1816, al-Azhar termasuk sekolah-sekolahnya merupakan satu-satunya sistem pendidikan di bawah kendalian kerajaan sebelum Muhammad Ali Pasha mewujudkan aliran kebangsaan yang menawarkan bidang-bidang selain pengajian Islam dan bahasa Arab. Secara umumnya, sistem pendidikan al-Azhar adalah sama dengan pendidikan kebangsaan. Bahkan sistem kebangsaan yang mula dikembangkan sejak zaman Muhammad Ali Pasha pada asasnya berdasarkan sistem yang telah digunapakai oleh al-Azhar di samping pengaruh daripada negara-negara Eropah (World Bank 2008: 14).

Namun, tumpuan utama pelajaran di sekolah-sekolah al-Azhar adalah pengajian Islam dan bahasa Arab dengan subjek-subjek yang dipelajari adalah disiplin-disiplin khusus dalam dua bidang ini di samping sejumlah kecil subjek-subjek tambahan seperti bahasa Inggeris, kemahiran komputer dan sebagainya. Manakala bagi peringkat universiti, walaupun pada awalnya ia hanya tertumpu dalam pengajian Islam dan bahasa Arab, namun ia kemudiannya telah mengalami pembaharuan sejajar dengan perkembangan semasa. Justeru, sesuai dengan status universiti dalam takrifan masa kini yang menyeluruh, maka al-Azhar kini menawarkan hampir keseluruhan bidang-bidang utama seperti perniagaan, ekonomi, sains, perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan dan pertanian. Bahkan, semasa Shakyh Mahmud Shaltut menjadi Shaykh al-Azhar, al-Azhar mula dibukan kepada pelajar perempuan dengan penubuhan kampus untuk wanita.

7.0 PENUTUP

Mesir merupakan suatu negara yang unik dan kompleks dari sudut sejarah perkembangan dan sistem pendidikannya. Ia bermula dengan permulaan ketamadunan manusia yang hebat dan berkembang dengan pertembungan pelbagai peradaban manusia yang lain. Keunikan dan pengalaman yang padat dalam perkembangan pendidikan yang berlaku di Mesir sedikit sebanyak mempengaruhi corak pendidikan di negara-negara Islam yang lain termasuk Malaysia.

Mesir menjadi hub pendidikan yang amat penting bukan sahaja di rantau Asia Barat bahkan juga di dunia. Ini tidak lain tidak bukan kerana faktor Universiti al-Azhar yang menjadi pusat utama dalam pengajian Islam di dunia serta perkembangan transformasi yang berlaku di negara tersebut sejak zaman penjajahan hingga ke hari ini yang memberi inspirasi kepada negara-negara lain dalam melakukan hal yang serupa.

Pendidikan di Mesir sebagaimana juga di negara-negara lain tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai cabaran. Antara cabaran yang perlu ditangani oleh Mesir dalam aspek pendidikan ialah aspek pembiayaan pendidikan. Walaupun pada asasnya pendidikan di Mesir adalah percuma atau hampir percuma, namun masih terdapat masalah dalam memberi peluang pendidikan kepada semua khususnya bagi peringkat pengajian tinggi. Demikian juga walaupun Mesir mempunyai jumlah institusi pengajian tinggi yang agak banyak dan mencukupi bagi menampung pendidikan domestik, namun mempunyai masalah dari sudut keupayaannya dalam memenuhi tuntutan tersebut. Tambahan pula kos pendidikan

yang semakin meningkat membelenggu sektor ini dan dalam masa yang sama juga peruntukan kerajaan terhadap pendidikan agak rendah berbanding keperluannya. Ini mengakibatkan kualiti pendidikan tidak berkembang dengan baik.

Di samping itu, konflik politik yang berlaku antara tahun 2011 hingga 2013 juga sedikit sebanyak merencatkan pertumbuhan ekonomi Mesir, justeru dana bagi pendidikan sekaligus turut terkesan dan tidak mencukupi walaupun ia mengalami penambahan peruntukan dari tahun sebelumnya. Dengan tumpuan lebih terarah kepada politik, aspek pendidikan tidak dapat diberi tumpuan yang penuh dengan menyaksikan pertukaran menterinya sebanyak tujuh kali dalam tempoh tersebut. Demikian juga beberapa pembaharuan segera yang dilakukan dalam tempoh tersebut juga menimbulkan keresahan dalam kalangan warga akademik termasuklah pemilihan jawatan di universiti yang diubah kepada sistem pilihanraya, peningkatan gaji yang dijanjikan tidak ditunaikan, pengurangan kuasa dalam mengawal pelajar dan penempatan polis di universiti yang kesemuanya menyebabkan kehilangan keyakinan kepada kerajaan pada masa tersebut.

8.0 RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Al-Quran dan terjemahannya. (1998). Madinah: Muja'mma' al-Malik Fahd li al-Tiba'at al-Mushaf al-Sharif.

Abd. Mukti. (2008). Pembaharuan Lembaga Pendidikan di Mesir: Studi tentang Sekolah-sekolah Modern Muhammad 'Ali Pasya. Bandung: Citapustaka Media Perintis.

Ahmad Shahbari Salamon. (1988). Azhar and politics. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Al-Bahi, Muhammad. (1986). Al-Fikr al-Islami al-Hadith wa Silatuh bi al-Isti'mar al-Gharbiyy. Kaherah: Maktabah Wahbah.

al-Baladhuri, Ahmad bin Yahya bin Jabir. (1916). Kitab al-Futuh al-Buldan: The Origins of the Islamic State. Terj. Philip Khuri Hitti. Jil. 1-2. New York: Columbia University.

Bennet, Clinton. (2005). Muslim and Modernity: An Introduction to the Issues and Debates. London: Continuum.

Berkey, Jonathan. (1992). The Transmission of Knowledge in Medieval Cairo: A Social History of Islamic Education. Princeton: Princeton University Press.

Bilgrami, H.H. & Ashraf, S.A. (1985). The Concept of an Islamic University. London: Cambridge.

Dewey, John. (1897). My Pedagogic Creed. New York: E. L. Kellogg & Co.

Dewey, John. (1915). The School and Society. Ed. ke-2. Chicago: The University of Chicago Press.

Dewey, John. (1935). Democracy and Education: An Introduction to the Philosophy of Education. New York: The Macmillan Company.

Dewey, John. (1953). Experience and Education. New York: The Macmillan Company.

Dykstra, D. (1998). The French occupation of Egypt 1798-1801. Dlm. Daly, M.W. (pnyt.). The Cambridge History of Egypt, hlm. 113-138. Cambridge: Cambridge University Press.

Gesink, Indira Falk. (2007). Islamic reformation: A history of Madrasa reform and legal change in Egypt. Dlm. Kadi, Wadad & Billeh, Victor. Islam and Education: Myths and Truths. Chicago: The University of Chicago Press.

Gesink, Indira Falk. (2010). Islamic Reformism and Conservatism: al-Azhar and the Evolution of Sunni Islam. London: Tauris Academic Studies.

Hamilton, R. (2005). Ancient Egypt. Bath: Parragon Book.

Harun Nasution. (1985). Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya. Jakarta: UI Press.

- Heyworth-Dunne, James (Gamal-eddine). (1968). *An Introduction to the History of Education in Modern Egypt*. Cetakan ke-2. London: Frank Cass & Co. Ltd.
- Hurgronje, Snouck. (1970). *Mekka in the Later Part of the 19th Century*. Leiden: E.J. Brill.
- Ibn 'Abd al-Hakam, Abu al-Qasim 'Abd al-Rahman ibn 'Abd Allah al-Qurashi al-Misri. (1920). *The History of the Conquest of Egypt, North Africa and Spain (Futuh Misr wa Akhbaruha)*. Sunt. Charles C. Torrey. New Haven: Yale University Press.
- Ibn Khayyat, Abu 'Amr Khalifah al-Laythi al-'Usfuri. (1985). *Tarikh Khalifah bin Khayyat*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Ibn Sa'd, Muhammad bin Sa'd bin Mani' al-Zuhri. (2001). *Al-Tabaqat al-Kabir*. Sunt. 'Ali Muhammad 'Umar. Jil. 1-11. Kaherah: Al-Sharikat al-Duwaliyyah li al-Tiba'ah.
- Ibn Zulaq. (1999). *Fadail Misr wa Akhbaruha wa Khawasuha*. Sunt. 'Ali Muhammad 'Umar. Kaherah: Maktabah al-Ushrah.
- Jaffary Awang. (2006). *Sumbangan lulusan al-Azhar dalam pembangunan kesedaran Islam di Malaysia*. Dlm. Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob. *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jomier, J. (2015). *Al-Azhar*. Dlm. P. Bearman, Th. Bianquis, C.E. Bosworth, E. van Donzel, W.P. Heinrichs (pnyt.). *Encyclopaedia of Islam*. Edisi ke-2. Atas talian. http://referenceworks.brillonline.com/entries/encyclopaedia-of-islam-2/al-azhar-COM_0076 [1 Januari 2022].
- Khadijah Mohd Hambali. (2006). *Pengaruh al-Azhar terhadap sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu (Malaysia)*. Dlm. Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob. *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin 'Ali bin Thabit. (2001). *Tarikh Madinat al-Salam wa Akhbar Muhaddithiha wa Dhikr Quttaniha al-'Ulama min ghayr Ahliha wa Waridiha (Tarikh Baghdad)*. Sunt. Bashar 'Awar Ma'ruf. Jil. 1-12. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Muda @ Ismail Ab. Rahman. (2006). *Penglibatan pelajar aliran agama tamatan Universiti al-Azhar dalam politik Malaysia*. Dlm. Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob. *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim, Abu al-Husayn bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. (1998). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Mughni.
- Sa'id Isma'il 'Ali. (1996). *Al-Tarbiyyah fi al-Hadarah al-Misriyyah al-Qadimah*. Kaherah: 'Alim al-Kutub.
- Shukri Ahmad & Ismail Yusuff. (2006). *Tradisi keilmuan al-Azhar: Karakteristik dan kecenderungan golongan ulama*. Dlm. Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob. *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir. (1968-1976). *Tarikh al-Tabari/Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. Sunt. Muhhammad Abu al-Fadl Ibrahim. Cet. ke-2. Jil. 1-11. Kaherah: Dar al-Ma'arif bi Misr & Beirut: Dar Suwaydan.
- Toynbee, Arnold J. (1959). *Hellenism: The History of a Civilization*. London: Oxford University Press.
- Wan Kamal Mujani & Napisah Karimah Ismail (2010). *Kesan Penaklukan Perancis ke atas Mesir (1798-1801): Suatu Penilaian Semula*. *Akademika* 79 (Mei-Ogos): 87-103.
- Wengrow, David. (2011). *The Invention of writing in Egypt*. Dlm. Teeter, Emily. *Before the Pyramids: The Origins of Egyptian Civilization*, hlm. 99-103. Chicago: The Oriental Institute of the the University of Chicago.

- World Bank. (2008). Higher Education in Egypt Country Review Report. <http://siteresources.worldbank.org/INTEGRYPT/Resources/REPORTHigherEducationinEgypt-2010FINAL-ENGLISH.pdf> [30 Januari 2022].
- al-Ya'qubi, Ahmad ibn Abi Ya'qub. (1861). Kitab al-Buldan. Sunt. T.G.J. Juynboll. Leiden: E.J. Brill.